

MB Perlis bersara minggu depan...

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KANGAR, Khamis — Menteri Besar Perlis, Datuk Haji Jaafar Hassan dijangka meletakkan jawatan minggu depan sebaik sahaja cuti sakitnya berakhir 18 Ogos ini.

Difahamkan Datuk Haji Jaafar yang bercuti panjang atas nasihat doktor setelah menjalani pembedahan saluran darah ke jantung di London awal tahun ini, tidak akan menyambung cutinya.

Sumber-sumber memberitahu hari ini, beliau mengambil keputusan muktamad meletakkan jawatan Menteri Besar dan bersara terus dari politik.

Sejak beliau menyuarakan hasratnya untuk bersara dari poli-

Oleh **ZAINAL BUJAL**
dan **SAAD MAN**

itik bulan lalu, suasana politik di negeri ini menjadi hangat kerana keinginan beliau itu disambut dengan pendapat yang berbeza di kalangan pemimpin UMNO tempatan.

Ada yang mendesaknya meneruskan khidmat sehingga pilihanraya umum, manakala ramai pula khususnya Pergerakan Pemuda UMNO Negeri, mahukan beliau mengundurkan diri.

Ahli EXCO Kanan Negeri, Haji Ali Haji Ahmad, menjalankan tugas-tugas Menteri Besar semasa beliau berada di luar negeri dan

kemudiannya dilantik menjadi Pemangku Menteri Besar hingga sekarang.

Datuk Haji Jaafar memberitahu hasratnya berhenti menjadi Menteri Besar sejak Jun kepada sahabat-sahabat karibnya.

Bagaimanapun, satu dua orang pemimpin UMNO Bahagian Kangar yang diketuainya mahu beliau menangguhkan keputusannya itu.

Datuk Haji Jaafar bukan sahaja hendak meletakkan jawatan Menteri Besar, tetapi juga sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Bintong.

Pimpinan UMNO Bahagian itu mahukan beliau terus menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri kerana kerumitan memilih seorang calon untuk Bintong.

"Perletakan jawatan Datuk Haji Jaafar wajar memandangkan banyak masalah politik dan pentadbiran negeri tidak dapat dilaksanakan dengan l i c i n o l e h Pemangkunya," kata sumber-sumber itu.

Di bidang politik, Perhubungan UMNO Negeri dan Barisan Nasional Negeri tidak dapat mengambil keputusan dasar kerana beliau pengerusi Perhubungan UMNO Negeri dan Barisan Nasional Negeri.

Di bidang pentadbiran, berlaku sikap tidak hormat menghormati antara beberapa pegawai kanan kerajaan dari beberapa buah jabatan.

Tiga bulan lalu, sebuah jabatan Kerajaan Negeri menyaman Majlis Perbandaran Kangar kerana membawa masuk beberapa ekor kuda dari sebuah negara jiran ke Perlis.

Baru-baru ini pula, Majlis Perbandaran Kangar mengambil tindakan ke atas Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri kerana memindahkan beberapa buah pejabat Kerajaan Negeri tanpa kebenarannya.

Pemerhati politik di sini berpendapat perlantikan Haji Ali Ahmad sebagai salah seorang Ahli Majlis Tertinggi UMNO baru-baru ini, sebagai satu kepercayaan dari pemimpin-pemimpin pusat terhadap beliau. Mereka yakin Haji Ali akan dilantik Menteri Besar baru.